UTUSAN MALAYSIA ISNIN 16 APRIL 2012

# Potensi baka Shami

Oleh LAUPA JUNUS
Gambar MOHD. NOOR AMIN

INDUSTRI kambing tempatan antara subsektor ternakan yang lambat berkembang berdasarkan kepada tahap sara diri (SSL) yang rendah ketika ini.

Dalam usaha menyahut visi kerajaan meningkatkan jumlah bilangan kambing kepada 1.5 juta ekor menjelang 2015, ramai penternak masih tercari-cari baka yang sesuai untuk dibiakkan sekali gus membantu mencapai visi tersebut.

Setakat ini, antara pendekatan yang digunakan ialah pembiakan semula jadi (natural) di samping permanian beradas menggunakan air mani beku atau semen yang diambil dari kambing jantan dan dibekukan dari baka yang sesuai antaranya Boer, Jamnapari import untuk dikacukkan dengan baka tempatan.

Namun, masih ramai penternak tercari-cari apakah baka induk yang sesuai dan bernilai tinggi sekali gus memberi keuntungan dalam perniagaan ladang ternakan kambing mereka.



BAKLY BABA

Seorang peladang yang berkecimpung dalam ternakan ruminan di Rembau, Negeri Sembilan, Bakly Baba memilih kambing baka Damascus (Shami) yang dikatakan mampu mencetuskan fenomena baru dalam industri ternakan kambing di negara ini.

Baka yang dikatakan berasal dari Syria dan dibawa masuk ke Cyprus kira-kira 80 tahun duhulu itu mempunyai keistimewaan membekalkan daging dan susu sekali gus.

Minatnya untuk terlibat dalam penternakan dengan meneroka bidang yang baru tidak sukar untuk dijangka memandangkan sebagai usahawan yang lama dalam bidang pertanian, Bakly perlu mencuba mencari peluang baru.

Dia sebenarnya mengusahakan ladang kelapa sawit seluas 200 hektar di Linggi, Negeri Sembilan beroperasi dengan syarikat Belzi Izyan Sdn. Bhd.

Tidak cukup dengan itu, semangatnya terus berkobar-kobar untuk membantu industri ternakan kambing dan dia akhirnya mencuba menternak 20 ekor kambing pelbagai baka antaranya Katjang, Jamnapari, Boer bermodalkan RM30,000.

Projek tersebut yang diusahakan pada 2007 di Kampong Berkat Chembong , Rembau, dimulakan dengan sebuah kandang sahaja.

Namun bagi Bakly, menternak kambing untuk pedaging tidak mencukupi apatah lagi dengan menggunakan baka Saneen dan Jamnapari sahaja.

Ini kerana, beliau tidak dapat mencapai matlamat mengeluarkan susu kambing yang berkualiti tinggi dan dengan kuantiti yang banyak.



MOHD. Shariff Salleh menunjukkan kambing Shami yang diternak di ladang Intan Terpilih di Rembau, Negeri Sembilan.





PERAHAN susu kambing dilakukan awal pagi sebagai sebahagian kerja rutin setiap hari.

**INFO**

**Kambing Shami**

- Berasal dari Syria dan dibawa ke Cyprus 80 tahun dulu
- Bunting pada umur lima bulan atau 150 hari.
- Tahun pertama anak seekor dan tahun kedua-dua atau tiga ekor
- Matang selepas tujuh hingga sembilan bulan
- Kambing dua guna iaitu pengeluar susu dan daging yang hebat.
- Boleh mengeluarkan susu purata empat kilogram seekor sehari.
- Tempoh pengeuaran susu antara 200 dan 300 hari.
- Mencapai berat 35 kg bagi kambing jantan dan 30 kg bagi kambing betina dalam masa empat hingga lima bulan.
- Beranak dua atau tiga ekor setahun.

Beliau kemudian mengadakan kerjasama dengan seorang rakannya Mohd. Shariff Salleh dari syarikat Asreda Corporation Sdn. Bhd. yang merupakan wakil tunggal Y.N Antoniades & Sons Ltd. untuk Asia Tenggara bagi mengimport baka Shami dari Cyprus.

Beliau membuka sebuah lagi kandang di tapak sedia ada bagi menempatkan 300 ekor kambing baka baru tersebut.

"Saya memilih baka Shami kerana ia berpotensi untuk diusahakan dan mampu memberi aliran wang tunai yang cepat serta mendatangkan pulangan sehingga tiga kali ganda berbanding baka lain.

"Baka kambing ini sesuai untuk usahawan yang mahu terlibat dalam